

**Bahagian A: (10 markah)**

*Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.*

1. Kita tidak harus bersifat \_\_\_\_\_ apabila menikmati kekayaan.

hentam-keromo  
kacau-bilau  
kelam-kabut  
compang-camping

2. Fariq telah mengambil keputusan untuk berada di \_\_\_\_\_ kerana tidak mahu dikatakan tidak adil.

makan suap  
bintang terang  
atas angin  
atas pagar

3. Bapa tidak keluar rumah selepas senja kerana dia \_\_\_\_\_.

rambang mata  
rabun ayam  
panjang tangan  
kera sumbang

4. Salina mempunyai ramai kawan kerana dia \_\_\_\_\_.

ringan kepala  
ringan mulut  
lidah biawak  
lipas kudung

5. Kita harus menjauhi perbuatan yang buruk kerana ia boleh menjadi \_\_\_\_\_.

khabar angin  
mulut murai  
buah mulut  
cakap besar

**Bahagian B: (10 markah)**

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.

1. Baju pengemis itu \_\_\_\_\_.

hentam-keromo  
kacau-bilau  
kelam-kabut  
compang-camping

2. Rumah Pak Osman membelakangkan \_\_\_\_\_.

kayu-kayan  
bintang-bintang  
batu-bata  
bukit-bukau

3. Usah dipercayai cerita yang \_\_\_\_\_.

gelap-gelita  
karut-marut  
huru-hara  
kusut-masai

4. Adik sedang \_\_\_\_\_ di dalam kolam renang itu.

mandi-manda  
makan-makan  
liang-liuk  
pindah-randah

5. Kemarau yang berpanjangan itu telah menyebabkan perigi itu menjadi \_\_\_\_\_.

basah-kuyup  
lelak-lekuk  
kering-kontang  
kurus-kering

**Bahagian C: (10 markah)**

*Isikan tempat kosong ini dengan kata hubung yang sesuai.*

dari	daripada	pada	di	ke
------	----------	------	----	----

1. Abu meletakkan buku cerita yang dibacanya itu semula  rak-rak.
2. Meja itu diperbuat  kayu jati.
3. Ibu baru pulang  pasar.
4. Pernahkah kamu pergi  Muzium Negara?
5. Hari lahir Rosnah jatuh  hari Jumaat.

**Bahagian D: (10 markah)**

*Tulis kata dasar bagi setiap perkataan berimbuhan yang diberikan di bawah ini di dalam ruangan yang disediakan.*

1. kerahan
2. perkhemahan
3. kesayangan
4. pengedaran
5. penyampaian

**Bahagian E :(10 markah)**

*Pilih perkataan yang seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.*

1. Jambangan bunga itu harum baunya.

sedap  
enak  
segar  
wangi

2. Kita tidak harus cuai semasa membuat kerja sekolah.

malas  
bising  
lalai  
bingung

Abu meletakkan baju sekolahnya di atas katil.

3.

bangku  
ranjang  
meja  
lantai

4. Selepas santap, Sultan pun masuk beradu.

makan  
syarah  
cakap  
tidur

5. Lelaki itu mengisi bakul itu dengan buah-buahan.

bekas  
rotan  
lubang  
raga

**Bahagian F : (10 markah)**

*Pilih perkataan yang berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.*

1. Kapal kertas Azman tenggelam di tengah kolam.

untung  
timbul  
kecundang  
condong

2. Anak sulung Mak Hendon sangat bijak.

tua  
teruna  
bongsu  
pinggir

3. Bunga mawar itu sudah layu.

kuncup

kembang  
kecut  
kering

4. Burung merpati itu **hinggap** di atas sebatang dahan.

terbang  
duduk  
panjang  
jatuh

5. Ibu melarang saya mandi di air yang **keruh**.

tawar  
tenang  
jernih  
jarang

**Bahagian G : (10 markah)**

*Dalam petikan karangan berikut, terdapat lima tempat kosong. Isikan setiap tempat kosong itu dengan sepatah perkataan yang sesuai supaya lengkap jalan ceritanya.*

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan merupakan salah satu mata  penting kepada murid-murid di sekolah. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dapat  badan mereka. Mereka akan sihat setelah melakukan . Badan mereka pun akan menjadi cergas. Oleh itu, mereka boleh belajar dengan .

Pendidikan Jasmani juga turut merehatkan otak mereka. Ini adalah kerana murid-murid banyak menghabiskan masa dengan  di sekolah.

**Bahagian H : (15 markah)**

*Susun semula perkataan-perkataan/frasa-frasa berikut supaya menjadi sebuah ayat yang sempurna.*

1. yang / terumbang-ambing / perahu / ombak / itu / kecil / dipukul

2. Asnida / baju / Amira meminta / sekolahnya / mencuci

3. peraturan sekolah / semua / pelajar / mengikuti / guru besar / meminta supaya

4. membaca / berilmu / menjadikan / rajin / orang yang / kita

5. besar dan kuat / tenaga nuklear / sangat / sumber / ialah / tenaga / yang

### **Bahagian I : (15 markah)**

*Baca potongan karangan ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.*

Hari ini ialah hari lahir kawan saya, Faridah. Hari ini, genaplah lapan belas tahun umur Faridah. Semalam, saya sibuk ke pusat membeli-belah untuk mencari hadiah. Saya telah membeli sebuah buku cerita bertajuk "Senja Yang Hening" untuk dihadiahkan kepada Faridah.

Setelah tiba di rumah, saya membungkus buku itu dengan sekeping kertas bungkusan hadiah yang berwarna kuning. Di luar bungkusan itu, saya tampalkan sekeping kad ucapan.

Petang nanti saya akan pergi ke rumah Faridah untuk menghadiri sebuah jamuan kecil. Saya tidak sabar untuk menyampaikan bungkusan hadiah itu kepada Faridah kelak.

### **Soalan**

Siapakah yang menyambut hari lahirnya pada hari ini?

1. Hari ini ialah hari lahir .
2. Ke manakah pengarang pergi pada hari sebelumnya?  
Pada hari sebelumnya, .
3. Apakah tajuk buku cerita yang dibeli oleh pengarang?  
Tajuk buku cerita itu ialah .
4. Apakah yang dilakukan oleh pengarang setibanya di rumah?  
Setibanya di rumah, .
5. Pada pendapat kamu, kad ucapan apakah yang ditampalkan oleh pengarang di luar bungkusan hadiah itu?  
Pada pendapat saya, pengarang menampalkan sekeping .